

UKM2U ALUMNI

UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
The National University
of Malaysia




EDISI JANUARI 2020

E-BULETIN ALUMNI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



MAKAN MALAM MEMORI KONVOKU 2019

Pada 2 November 2019 (Sabtu), Pusat Perhubungan Alumni UKM telah menganjurkan Program Makan Malam Memori Konvoku 2019. Program ni diadakan bersempena dengan Konvokesyen UKM ke-47 dan bertempat di Kelab Golf Danau, UKM. Selain bertemu mesra dan menjamu selera, alumni yang hadir dapat mengimbau kembali kenangan manis sewaktu mereka berjaya menggenggam segulung ijazah. Makan malam ini berkonsepkan santai. Seramai 50 orang alumni telah hadir. Turut hadir pada malam itu ialah Prof. Dato' Ir. Dr. Othman A. Karim, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Pelbagai aktiviti diadakan seperti penyampaian puisi dari Prof. Dr. Asiah Sarji (Alumni Sulung UKM) dan perkongsian pengalaman dari alumni-alumni hebat UKM seperti Tan Sri Dato' Alimuddin Hj. Mohd Dom dan lain-lain.



WAHANA ILMU ALUMNI : EN. MOHD DZIEHAN MUSTAPA – KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN, PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.

Program Wahana Ilmu Alumni telah diadakan pada 10 Disember 2019 oleh Pusat Perhubungan Alumni UKM di Bilik Seminar, UKM-KARIER bersama En. Mohd Dziehan Mustapa, alumni dari Fakulti Farmasi. Beliau kini merupakan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. Topik yang difokuskan pada program kali ini adalah "Nak Cantik, Nak Kurus, Nak Sihat atau Akhirnya Mudarab". Perkongsian ilmu beliau dimulakan dengan notifikasi kosmetik, ubat-ubatan anti-obesiti dan pengenalan kepada bahan-bahan terlarang dalam kosmetik atau ubat-ubatan serta senario penggunaan ubat-ubatan di hospital oleh masyarakat. Beliau turut menjelaskan mengenai kesan sampingan penggunaan produk kosmetik, ubat kurus dan ubatan lain yang dicampurpalsu dengan bahan-bahan terlarang tersebut. Bercerita melalui pengalaman beliau, pelbagai masalah terjadi kepada masyarakat yang ingin mengambil jalan mudah untuk cantik dan kurus dengan menggunakan kosmetik atau mengambil ubat kurus yang tidak berkelulusan dan sebagainya. Perkara sebegini sering berlaku dikalangan golongan muda dan beliau sangat menegaskan mengenai perkara ini kepada para pelajar. Secara ringkas, beliau turut berkongsi pengalaman pengajian dan pekerjaan khususnya dalam bidang Farmasi.



MAJLIS TAUTAN KASIH UKM LEMBAH PANTAI

Pada 5 Januari 2020 (Ahad), alumni UKM Lembah Pantai telah mengadakan Majlis Tautan Kasih UKM Lembah Pantai bertempat di Hotel Istana, Kuala Lumpur. Mereka merupakan alumni terawal yang dilahirkan oleh UKM. Majlis bermula pada jam 11.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang. Seramai 150 orang alumni telah hadir memeriahkan majlis ini. Pelbagai aktiviti dijalankan seperti mengimbau kembali gambar-gambar lama mereka, karaoke dan sebagainya. Majlis ini sangat meriah dan penuh dengan emosi kerana terdapat alumni yang telah lama tidak berjumpa dengan rakan-rakan. Pelbagai pengalaman dan kenangan yang mereka kongsikan. Semoga alumni UKM Lembah Pantai sentiasa sihat dan dapat kembali ke alma mater tercinta.



JEJAK ALUMNI DI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Pada 7 Januari 2019 (Selasa), Pusat Perhubungan Alumni UKM telah mengadakan lawatan ke Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia untuk menemubual salah seorang alumni hebat UKM iaitu YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im Bin Hj. Mokhtar. Beliau merupakan alumni Doktor Falsafah Syariah dari Fakulti Pengajian Islam, 2007 dan kini beliau adalah Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan juga Ketua Hakim Syarie. Beliau telah berkongsikan latar belakang dan pengalaman beliau sehingga mencapai kejayaan sehingga kini. Selain itu, beliau turut memberi nasihat kepada pelajar-pelajar UKM yang ingin mencebur dalam bidang perundangan Syariah. Nantikan cerita penuh di majalah SENADI keluaran Mei 2020.



ALUMNIUKMOFFICIAL



@ALUMNIUKMOFFCIL



www.ukm.my/alumni

PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI UKM (ALUMNI-UKM)